



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

KENYATAAN MEDIA

OPERASI TAPAK PEMBINAAN BIL. 3/2024:

TIADA JATUH, PEKERJA SELAMAT

SKOP DAN TUJUAN

1. JKPP pada hari ini menjalankan operasi dengan tujuan untuk mempergiat aktiviti penguatkuasaan selain meningkatkan pematuhan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tapak pembinaan. Fokus utama operasi tapak pembinaan ini adalah untuk memantau:
 - i. Aktiviti dan kerja-kerja di tempat tinggi dan aktiviti kerja-kerja mengangkat khususnya kepada skop-skop kerja yang berisiko tinggi seperti bekerja di tempat tinggi, kerja mengangkat dan kerja konkrit.
 - ii. Pematuhan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 dan Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 yang telah mulai dikuatkuasakan pada 1 Jun 2024.

2. Operasi tapak pembinaan diadakan adalah untuk memberikan kesedaran kepada majikan dan pekerja tentang pentingnya menjaga keselamatan dan kesihatan semasa bekerja. Bagi sektor pembinaan :

Tahun 2021 – Kecederaan 217 (maut 65)

Tahun 2022 - Kecederaan 160 (maut 63)

Tahun 2023 – Kecederaan 203 (maut 68)

Bagi tahun 2023, sebanyak 1,144 jatuh dari tempat tinggi telah dilaporkan kepada JKKP. Diantara penyebab kecederaan tertinggi adalah persekitaran pekerjaan yang tidak selamat seperti tepian dan lubang terbuka yang tidak diadang dan tidak memakai kelengkapan perlindungan diri. Penyebab kecederaan kedua tertinggi adalah aktiviti mengangkat melalui pengangkutan dan mengangkat peralatan dengan bilangan sebanyak 1389 kes yang dilaporkan.

OPERASI TAPAK PEMBINAAN

3. Sepanjang tahun 2024, JKKP telah menjalankan sebanyak **3 operasi tapak pembinaan (OTP)** di seluruh negara. **Operasi Tapak Pembinaan Bilangan 1/2024** bertemakan "**Tapak Bina Selamat, Tiada Jatuh Lagi**" telah dijalankan pada 27 Februari sehingga 6 Mac 2024 di 133 tapak bina. OTP Bil. 1 ini memfokuskan kepada aktiviti kerja di tempat tinggi dan kerja mengangkat.
4. **Seterusnya OTP Bil. 2/2024** yang dijalankan pada 2 September sehingga 13 September 2024 dengan tema "**Double SPARK**". Operasi ini memfokuskan kepada **Sebaran Perundangan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022**. Tujuannya untuk melihat sejauh mana pihak industri dan majikan mengetahui dan mematuhi perundangan Akta keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2024. Operasi ini telah dijalankan di 192 tapak bina di seluruh negara.

5. **OTP Bil. 3/2024** bertemakan "**Tiada Jatuh, Pekerja Selamat**" pula telah dijalankan pada 25 November sehingga 29 November 2024 memfokuskan kepada Pengetahuan Am Peraturan-Peraturan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024, bekerja di tempat tinggi dan kerja-kerja mengangkat, melibatkan 150 tapak bina. Secara keseluruhannya, sejumlah 475 tapak bina telah terlibat dalam ketiga-tiga operasi tapak pembinaan ini.

TINDAKAN PUNITIF

6. Bagi tindakan punitif, pada **OTP Bil. 1/2024** sebanyak 161 Surat Arahan, 148 Notis Larangan, 36 Notis Perbaikan, 91 Notis Sita, 103 Cadangan Kompaun dan 7 Cadangan Pendakwaan telah direkodkan.
7. Pada **OTP Bil. 2/2024**, sebanyak 187 Surat Arahan, 73 Notis Larangan, 76 Notis Perbaikan telah dikeluarkan. Manakala pada **OTP Bil. 3/2024** sebanyak 150 Surat Arahan, 195 Notis Larangan, 75 Notis Perbaikan, 11 Notis Sita dan 2 Cadangan Pendakwaan telah dikeluarkan. Antara kesalahan-kesalahan yang telah dikenakan tindakan punitif ialah tepian terbuka yang tidak diadang dan tiada pelan mengangkat.
8. Secara keseluruhannya, JKKP telah mengeluarkan sejumlah **498 Surat Arahan, 416 Notis Larangan, 187 Notis Perbaikan, 102 Notis Sita, 103 Cadangan Kompaun dan 9 Cadangan di Pendakwaan** sepanjang ketiga-tiga OTP ini.

KESIMPULAN

9. JKKP komited dalam menjalankan pemantauan berterusan bagi membanteras kejadian kemalangan di industri pembinaan dengan tujuan mengurangkan kadar kecederaan dan maut. Semua pihak yang terlibat termasuk klien,

perekabentuk dan pembina hendaklah memastikan projek pembinaan dijalankan dengan selamat dan sihat melalui pematuhan terhadap Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 dan garis panduan yang berkaitan sektor pembinaan yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan. Majikan juga perlu memastikan pekerja yang bekerja di sektor ini diberi latihan yang mencukupi supaya mereka mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang kerja selamat dan sihat.

10. Jabatan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana majikan atau pengurus projek yang gagal mematuhi peruntukan perundangan dan menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi memastikan tapak pembinaan dan kawasan berhampirannya selamat dan kondusif kepada pekerja dan orang awam yang mungkin terdedah kepada aktiviti di tapak bina tersebut.

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

5 Disember 2024